

‘Murid mesti kuasai bahasa Melayu’

Dari Muka 1

“Kalau anak itu anak Malaysia, wajib menguasai bahasa Melayu dengan baik. Jangan kita pandang ringan hal ini,” katanya dalam amanat pada Majlis Kesyukuran Sempena Setahun Pentadbiran Kerajaan MADANI, di sini malam kelmarin.

Dalam membicarakan mutu pendidikan negara, Perdana Menteri menegaskan, bahasa Melayu adalah bahasa utama yang mesti dikuasai tanpa tolak ansur oleh semua murid, tetapi kaedah baharu harus difikirkan untuk meningkatkan mutu penguasaan bahasa Inggeris.

“Jadi mulai tahun depan, mutu penguasaan bahasa Inggeris harus ditingkatkan, selain mempertahankan kedudukan bahasa Melayu,” katanya.

Sementara itu, Perdana Menteri menzahirkan rasa bangga dengan barisan pimpinan Kerajaan Perpaduan yang dapat menghentikan amalan rasuah dan salah guna kuasa yang menjadi antara tekad dipegang sepanjang setahun pentadbiran dan akan diteruskan sepanjang masa.

“Sepanjang setahun, kita pantau melalui Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM). Saya bangga kerana keputusan kita ikut proses tatakelola, ikut tender, bagi amaran keras, pimpinan tidak boleh guna kuasa untuk kayakan diri dan keluarga.

“Alhamdulillah, seminggu lalu, ditanya laporan SPRM, Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) serta polis, pimpinan kita dapat pertahan supaya hentikan amalan salah guna kuasa dan rasuah,” katanya namun menegaskan masalah rasuah di negara ini belum dapat dihapuskan sepenuhnya dan masih berlaku.

“Masalah ini belum selesai sepenuhnya, kecurangan ini masih berlaku dan harus kita gempur dengan segala kekuatan yang ada,” katanya.

Perdana Menteri berkata, Kerajaan Perpaduan juga akan memulakan corak lebih tegas dan pantas dalam mengemudi negara

pada tahun kedua pentadbirannya bagi memastikan martabat Malaysia diangkat lebih tinggi.

Biarpun pada tahun pertama berdepan situasi terumbang-ambing pada awalnya, beliau berkata, kerajaan berupaya melaluinya dengan dasar yang jelas, termasuk menyelesaikan masalah asas rakyat.

“Percayalah dengan mandat yang ada, tahun (baharu) kita akan mula dengan lebih tegas, lebih jelas untuk membangunkan ekonomi negara dan keras menghadapi segala rintangan atau percubaan merosakkan sendi negara kita dengan salah guna kuasa dan rasuah.

“Insya-Allah dengan semangat ditunjukkan pimpinan Kerajaan Perpaduan, kita akan memulakan satu corak lebih tegas dan pantas mengemudi negara, lebih baik daripada apa yang kita capai setahun lalu,” katanya sambil menambah, Malaysia perlu menjadi negara yang bersatu bagi menjamin kesejahteraan dan perpaduan rakyat.

“Hanya dengan perpaduan dan keamanan, Malaysia akan menjadi negara lebih dihormati. Kita tidak boleh jamin masa depan selamat, dari Perlis sampai Sarawak, kaum dan agama berbeza, tidak mungkin negara ini selamat kalau kita memusuhi satu sama lain, selain guna agama untuk hukum orang sewenangnyanya.

“Orang mungkin berbeza pendapat, tetapi negara ini mesti diselamatkan daripada fitnah, caci maki, menghukum sewenang-wenangnya sehingga timbul kebencian luar biasa. Tak belajarkah daripada pengalaman negara lain, beberapa negara Arab, Afghanistan, Rwanda berkecamuk akibat perpecahan kaum dan agama,” katanya.

Ketika ditemui pemberita selepas majlis terbabit, Anwar menzahirkan kesyukuran sempena setahun pentadbirannya.

“Alhamdulillah, kita sedaya upaya seluruh pasukan dan insya-Allah perbaiki (kekurangan). Dengan kekuatan baharu, kita melonjak lebih tinggi,” katanya.